


Usah biar maklumat sahih ditelan berita palsu



Dr Mohd Yussuf
Al Fahmey
Abdul Rahim

Felo Penyelidik, Kluster
Pembangunan Kepakaran,
Institut Tadbiran Awam Negara
(INTAN)

Keseriusan memerangi berita tidak tepat dalam menangani COVID-19 dimanifestasikan kerajaan melalui penubuhan Pasukan Respons Pantas (PRP) Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM). Ia kena pada masa berikutnya ketidaktentuan tersebut di dunia maya.

KKMM wajar dipuji kerana PRP berjaya mengawal penularan berita palsu. Jika ia tidak dikawal, sudah pasti keresahan rakyat tidak terbendung.

Masyarakat pula umumnya hanya menerima bulat-bulat berita sampai kepada mereka tanpa banyak soal. Jarang kita dapat ahli kumpulan dalam WhatsApp bertanyakan semula kesahihan berita dikongsikan melainkan terus menganggapnya betul. Kerajaan bertanggungjawab memperjelaskan fakta tidak tepat, apatah lagi yang disensasikan.

Jika Polis Diraja Malaysia

(PDRM) mempunyai Unit Tindakan Khas (UTK) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memiliki Pasukan Aturigerak Cepat, PRP KKMM pula diperlukan untuk memperjelas fakta ditularkan tukang gosip sensasi dan spekulator digital dengan pantas.

Dalam memastikan slogan Tiadak Pasti, Jangan Kongsi mempunyai taringnya, dua akta dikuatkuasakan kerajaan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Seksyen 505 Kanun Keseksaan. Penjawat awam pula sahaja tertakluk kepada dua akta itu, bahkan bakal berdepan hukuman di bawah dua lagi undang-undang, iaitu Akta Rahsia Rasmi 1972 (Dokumen Rahsia Rasmi) dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelaikan dan Tatatertib) 1993.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) terus mengukuhkan arahan kerajaan disampaikan melalui sidang media Menteri Kanan (Keselamatan) yang meminta rakyat terus patuh kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Adanya koordinasi maklumat kemas antara agensi kerajaan, tiada sebab untuk orang ramai mencipta alasan tidak tahu sehingga tidak patuh PKP. Pendekatan agresif dan bersepada MKN serta KKMM ini berhasil.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengakui usaha menangani pandemik ini di seluruh dunia dikusutkan penyebaran maklumat tidak tepat dan tokoh tambah melampau-melampau mengenai COVID-19. 'Infodemik' ialah istilah dipopularkan badan dunia itu, lebih berbahaya dari pada virus COVID-19.

Berdasarkan Digital 2020 dieluarkan Hootsuite and We are Social, kadar penembusan media sosial di negara ialah 81 peratus, iaitu meningkat 4.1 peratus berbanding 2018. Peningkatan ini membuktikan rakyat semakin ghairah menggunakan media sosial dalam kehidupan sehari-hari.

Jika tidak dididik dan dikawal, lebih ramai terdedah kepada salah laku tanpa disedari. Kecenderungan menyebarkan maklumat palsu, menghina, mengapi-apikan, memfitnah dan menghasut boleh menggugat keselamatan serta ketenteraman negara.

Banyak kejayaan dicapai kerajaan selama ini tetapi tidak disampaikan kepada rakyat dengan efektif. Akses maklumat pantas dan teknik penyampaian mudah difahami melalui teknologi digital perlu dimanfaatkan kerajaan secara agresif. Kurang mendapat gambaran sebenar mengundang pelbagai kritikan, toh mahan dan fitnah daripada rakyat.

Contohnya dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2019, kedudukan Malaysia melonjak ke kedudukan ke-51 pada 2019 berbanding kedudukan ke-61 pada 2018 dengan peningkatan skor daripada 47 kepada 53 mata. Ini menunjukkan usaha membanteras rasuah oleh kerajaan selari dengan kehendak rakyat. Namun, tidak ramai mengetahui pelbagai inisiatif dilakukan kerajaan ke arah itu.

Bertitik tolak kesedaran ini, pemantauan dan penjelasan hebatan berita tidak tepat masih perlu diteruskan kerajaan pada fasa pasca-COVID-19. PRP KKMM hendaklah diperkuatkan fungsinya dengan termasuknya lebih mantap menjayakan banyak lagi agenda kerajaan di peringkat persekutuan.

Tidak terhenti di situ, kebolehlaksanaan mekanisme pelaksanaan PRP di peringkat negeri dan kerajaan tempatan wajar difikirkan. Maklumat tidak tepat atau ditokoh tambah mengenai inisiatif, program serta projek di bawah bidang kuasa negeri dan kerajaan tempatan juga perlu diperjelaskan.

Ini harus dilakukan secara tunjang meliputi ketiga-tiga peringkat kerajaan bagi memerangi habis-habisan penyalahgunaan media sosial hingga akar umbi. Kesepakatan dan semangat kebersamaan dalam kalangan agensi kerajaan sekali lagi diperlukan

demi rakyat dan negara.

Maklumat berkredibiliti tidak harus dibiarkan tenggelam dalam lautan maklumat palsu. Minda rakyat tidak harus dirosakkan pengaruh negatif maklumat dicurigai kerana ia adalah aset paling berharga harus dipelihara.

Sesungguhnya, ruang di alam maya untuk dimanipulasi mereka tidak bertanggungjawab atau sekadar bersuka-suka, sama ada sedar atau tidak, tidak boleh dibiar berlarutan. Ia perlu disekat agar rakyat tenang dan aman daripada sensasi tidak berkesudahan.

Rakyat harus disedarkan bukan sahaja di media massa dan sosial, bahkan di lapangan melalui aksi rasa kilas dan papan iklan di lokasi strategik termasuk di lebuh raya. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) juga sentiasa terbuka kepada tokoh berwibawa untuk berkongsi idea, pengetahuan dan pengalaman dengan penjawat awam berkait isu ini melalui program seperti INTAN Executive Talk.

Kita perlu peka kepada apa yang terjadi dan matatijahkan sesuatu baik untuk diri, rakyat dan negara. Berbaloikah mengeluarkan ribuan ringgit akibat didenida, disaman atau dipenjara ga-ra-gara keceluparan dalam han-taran serta komen di media so-sial?